*LAMPIRAN 1*

# STRUKTUR ORGANISASI
## JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN



## *LAMPIRAN 2*

Ruj. Kami :
Ruj. Tuan :

23hb. September 1997

Kepada Sesiapa Yang Berkenaan

Tuan/Puan

**Cik Adlina Norliz Razali, (No. K/P : 720101-03-6084)**

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita saya mengesahkan Cik Adlina Norliz Razali, (No. K/P : 720101-03-6084) merupakan pelajar penuh masa Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat pada sesi 1997/98, di Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Universiti Malaya.

3. Buat masa ini beliau sedang menjalankan penyelidikan bagi memenuhi keperluan kursus.

Sekian.

Yang benar

Prof. Madya Dr. Khairuddin Hashim
Timbalan Dekan

FAKULTI SAINS KOMPUTER
DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR

/ar

Saya sahkan bahawa ini adalah salinan y
sebenar daripada Sijil/Surat/Dokumen
seperti yang telah ditunjukkan kepada s

HJ. RAZALI BIN MAMAT
Pengetua
Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Pasir,
17500 Tanah Merah,
Kelantan.

*LAMPIRAN 3*

جباتن ڤنديديقكن كلنتن .

**JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN**

JALAN DOKTOR,
15000 KOTA BHARU,
KELANTAN DARUL NAIM.
TELEFON PENGARAH: 7482554

PEJABAT AM: 7481133, 7481201, 7481649, 7481651, PEPERIKSAAN 7441411. KAWAT: "SEKOLAH KELANTAN"

*Ruj. Tuan:*

*Ruj. Kami:* PPKn(UPP)5048/(15) KP( 76 )

*Tarikh:* 04 Februari, 1998

Kepada

Adlina Norliz Razali,
No. 48 Jalan SS 19/6
47500 Subang Jaya,
Selangor.

Tuan/Puan,

**Kebenaran Bagi Menjalankan Kajian/Penyelidikan**
**Ke Sekolah-Sekolah Di Negeri Kelantan**

Surat permohonan tuan/puan bertarikh 4 Februari, 1998 adalah dirujuk.

2 Surat kebenaran dari Pengarah, Bahagian Perancangan & Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Rujukan - bertarikh 23 September, 1997 ada kaitan.

3 Adalah saya diarah untuk memaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Kelantan tidak ada apa-apa halangan bagi tuan/puan menjalankan kajian penyelidikan seperti tajuk berikut:

" Penggunaan Komputer di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Kelantan" dan

4 Kelulusan ini adalah diberikan berdasarkan kepada tajuk kajian/penyelidikan yang dikemukakan ke Jabatan ini bagi tempoh 01 March, 1998 sehingga 30 March, 1998

5 Sekolah-sekolah yang terlibat adalah seperti di Lampiran 'A'

6 Tuan/Puan dinasihatkan supaya terlebih dahulu menemui dan berbincang dengan Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah berkenaan sebelum memulakan kajian/penyelidikan.

Sekian.

**# BERKHIDMAT UNTUK NEGARA #**

Saya yang menurut perintah,

**(MUHAMAD LUTPI BIN CHE RAHIM)**
b.p. Pengarah Sekolah-Sekolah Kelantan

Salinan:

Timbalan Dekan,
Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat,
Universiti Malaya,
50603 KUALA LUMPUR.

sebagaimana lampiran

(Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung)

*LAMPIRAN 4*

Adlina Norliz Razali
No 48 Jalan SS 19/6
Subang Jaya,
47400 Petaling Jaya
Selangor

---

Kepada
Pegawai Pendidikan
Daerah Tanah Merah/Machang,Jeli
17500 Tanah Merah
Kelantan

Tuan Pengetua T.Merah/Jeli
Sila beri kerjasama kepada pelajar ini untuk buat kajian penggunaan komputer. Terima kasih

13hb Desember 1997

MOHD ARIFIN B. MAMAT
Penolong Pegawai Pendidikan Daerah
(Sektor Pengurusan Sekolah)
Pejabat Pendidikan Daerah
Tanah Merah

Tuan

**Memohon Kebenaran Untuk Membuat Kajian di Sekolah-Sekolah di Kelantan**

Perkara di atas dengan segala hormat dirujuk.

Adalah dimaklumkan saya sebagaimana nama di atas merupakan seorang pelajar Lanjutan Ijazah (MASTER) di Fakulti Sains Komputer Universiti Malaya yang sedang membuat penyelidikan bagi menyempurnakan syarat kursus.

Kajian ini bertajuk Penggunaan **Komputer di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Negeri Kelantan** dan mempunyai objektif seperti berikut:-

i) Mengadakan analisis terkini jumlah sekolah yang mengadakan program pengajian komputer kepada para pelajar.
ii) Mengkaji faktor pendorong dan penghalang kepada kewujudan program pengajian komputer di sekolah-sekolah Menengah di Kelantan.
iii) Mengkaji keberkesanan penggunaan komputer di kalangan pelajar sebagai alat bantu untuk peningkatan mutu pencapaian akademik dan maklumat semasa.

Sehubungan dengan itu, saya memohon jasa baik pihak tuan agar membenarkan saya menjalankan penyelidikan ini di beberapa buah sekolah di bawah Jabatan tuan.

Kerjasama pihak tuan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Yang benar,

(ADLINA NORLIZ RAZALI)

*LAMPIRAN 5*

# SEKOLAH MENENGAH JELI,

*17600 JELI, KELANTAN.*
*DEA 9002*

TEL : 09-9440224

*No . Ruj.Tuan :*
*No.Ruj.Kami : SMJ. 06/10*
*Tarikh : 28 September 1997*
*bersamaan*
*25 Jamadilawal 1418*

**Kepada ,**

Adlina Norliz Binti Razali,
No.318 Blok 4,
Jalan PJS 8/4 Taman Sri Subang,
46000 Petaling Jaya,
Selangor.

Tuan,

**KEBENARAN UNTUK MEMBUAT KAJIAN KOMPUTER DISEKOLAH**

Surat tuan bertarikh 29 hb. September 1997 dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu sukacita dimaklumkan bahawa pihak sekolah tidak ada apa-apa halangan untuk tuan datang ke sekolah ini untuk membuat kajian tersebut.

Sekian , terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'**

Saya Yang Menurut Perintah,

(HAJI RAZALI BIN MAMAT)
Pengetua,
Sekolah Menengah Jeli
17600 Jeli, Kelantan.

HRBM/nr 97'

# *LAMPIRAN 6*

**Soalselidik penggunaan komputer di kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Negeri Kelantan.**

Bahagian 1: ***Maklumat Pelajar***
*Arahan: Isikan tempat kosong serta tandakan ✓ pada jawapan yang sesuai.*

1. Tingkatan:____________ 2. Jantina:____________

3. Penginapan semasa persekolahan:
   - ❑ Asrama
   - ❑ Rumah

4. Jarak rumah-sekolah:
   - ❑ 0-3 km
   - ❑ 4-10 km
   - ❑ 11-15 km
   - ❑ 16-20 km
   - ❑ 21 km dan lebih

5. Keputusan UPSR: Bahasa Inggeris__________ Matematik___________

6. Tahap tertinggi pendidikan Bapa:
   - ❑ Sekolah Rendah
   - ❑ SRP/LCE
   - ❑ SPM/MCE
   - ❑ STP/HSC
   - ❑ Universiti
   - ❑ Tidak mendapat pendidikan

7. Tahap tertinggi pendidikan Ibu:
   - ❑ Sekolah Rendah
   - ❑ SRP/LCE
   - ❑ SPM/MCE
   - ❑ STP/HSC
   - ❑ Universiti
   - ❑ Tidak mendapat pendidikan

8. Pendapatan Bapa/Penjaga:____________ 9. Pendapatan Ibu:____________

Bahagian 2: ***Maklumat Sekolah***
*Arahan: Isikan tempat kosong serta tandakan ✓ pada jawapan yang sesuai.*

1. Nama dan alamat sekolah:______________________________

2. Adakah sekolah anda mempunyai kelab komputer sekolah?
   - ❑ Ya
   - ❑ Tidak

**Sekiranya Tidak sila jawab soalan 4 hingga 7 sahaja di bahagian ini.**

3. Adakah terdapat kedai komputer berhampiran dengan sekolah atau tempat tinggal anda?

❑ Ya ❑ Tidak

------------------------------------------------------------------------------------------

4. Adakah perlu kelab komputer diadakan di sekolah anda?

❑ Ya ❑ Tidak

5. Adakah anda pernah menggunakan komputer?

❑ Ya ❑ Tidak

Sekiranya pernah untuk tujuan apa anda menggunakan komputer? (Nyatakan)________________

6. Adakah anda pernah mengemukakan cadangan supaya diadakan kelab komputer di sekolah?

❑ Ya ❑ Tidak

7. Adakah anda merasakan perlu menggunakan komputer dan sebagai alat bantu dalam pembelajaran anda di sekolah?

❑ Ya ❑ Tidak

Bahagian 3: ***Maklumat Penggunaan komputer di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah***

*Arahan: Tandakan ✓ pada jawapan yang sesuai di ruangan yang telah disediakan.*

1. Adakah anda menjadi ahli kelab komputer sekolah?

❑ Ya ❑ Tidak

2. Adakah anda kerap menghadiri kelas yang dianjurkan oleh kelab komputer sekolah?

❑ Ya ❑ Tidak

3. Adakah anda berminat untuk menggunakan komputer di sekolah?

❑ Ya ❑ Tidak

4. Adakah anda memerlukan komputer dalam pengajian di sekolah?

❑ Ya ❑ Tidak

5. Adakah anda dikenakan yuran untuk mengikuti kelas komputer di sekolah?

❑ Ya ❑ Tidak

6. Adakah jumlah yuran tersebut membebankan anda?

❑ Ya ❑ Tidak

7. Adakah anda mempunyai komputer peribadi?

❑ Ya ❑ Tidak

8. Adakah anda merancang untuk membeli komputer

❑ Ya ❑ Tidak

Bahagian 4: ***Maklumat Pandangan Dan Sikap Mengenai Kepentingan Komputer***.

**a) Pandangan dan Sikap Anda**

*Arahan: Tandakan ✓ pada jawapan yang sesuai untuk menunjukkan darjah persetujuan anda tentang penyataan berikut*:

| | YA | SEDIKIT | TIDAK |
|---|---|---|---|
| 1. Saya tahu menggunakan komputer | ❑ | ❑ | ❑ |
| 2. Belajar menggunakan komputer dengan baik akan membantu saya dalam lain-lain pelajaran. | ❑ | ❑ | ❑ |
| 3. Saya mendapati sukar menggunakan komputer. | ❑ | ❑ | ❑ |
| 4. Saya berasa selesa apabila menggunakan komputer. | ❑ | ❑ | ❑ |

| | YA | SEDIKIT | TIDAK |
|---|---|---|---|
| 5. Saya berpendapat para pelajar perlu menguasai Matematik dan Bahasa Inggeris untuk membantu diri mereka dalam pengajian komputer. | ☐ | ☐ | ☐ |
| 6. Belajar komputer tidak akan membantu masa hadapan dan hanya membazir waktu saya. | ☐ | ☐ | ☐ |
| 7. Saya tidak tahu menggunakan komputer dengan baik. | ☐ | ☐ | ☐ |
| 8. Kejayaan di sekolah tidak ada kena mengena dengan kebolehan menggunakan komputer. | ☐ | ☐ | ☐ |

**b) Pandangan dan Sikap Guru Anda**

*Arahan: Tandakan ✓ pada jawapan yang sesuai.*

| | YA | SEDIKIT | TIDAK |
|---|---|---|---|
| 9. Adakah guru anda memberikan galakan kepada anda supaya menggunakan komputer? | ☐ | ☐ | ☐ |
| 10. Adakah guru anda menyediakan risalah mengenai komputer di sekolah? | ☐ | ☐ | ☐ |
| 11. Adakah di sekolah anda terdapat guru terlatih di dalam bidang komputer? | ☐ | ☐ | ☐ |

**c) Pandangan dan Sikap Ibubapa Anda**

*Arahan: Tandakan ✓ pada jawapan yang sesuai.*

| | YA | SEDIKIT | TIDAK |
|---|---|---|---|
| 12. Adakah ibubapa anda memberi dorongan kepada anda untuk mempelajari komputer? | ☐ | ☐ | ☐ |
| 13. Adakah ibubapa anda tahu menggunakan komputer? | ☐ | ☐ | ☐ |
| 14. Adakah ibubapa anda menyediakan komputer di rumah? | ☐ | ☐ | ☐ |

---

Terima kasih di atas kerjasama anda.

## SOALAN-SOALAN TEMUBUAL DENGAN GURU KELAB KOMPUTER

1) Nama dan lokasi sekolah?

2) Adakah di sekolah anda terdapat kelab komputer dan berapa buah komputer yang disediakan?

3) Perisian komputer apakah yang selalu diajarkan kepada pelajar?

4) Adakah pihak pentadbir sekolah memberikan kerjasama dalam menggalakkan pelajar-pelajar menggunakan komputer?

5) Dari sumber manakah komputer dibekalkan di sekolah anda dan adakah jumlahnya mencukupi kepada pelajar?

6) Adakah sekolah anda terlibat dengan program literasi komputer yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (JPN) dan pelajar dari tingkatan berapakah yang diwajibkan menyertai kelas tersebut?

7) Sejauhmanakah kelab komputer mendapat sambutan daripada pelajar?

8) Bilakah program pengajian komputer oleh kelab komputer diajarkan kepada pelajar?

9) Berapa jumlah ahli kelab komputer di sekolah anda?

10) Adakah terdapat guru mahir/terlatih khusus dalam bidang komputer untuk mengajar pengajian komputer kepada pelajar di sekolah anda?

11) Adakah guru komputer di sekolah anda selalu dihantar berkursus bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang komputer?

12) Adakah terdapat inisiatif tertentu oleh kelab komputer bagi menggalakkkan penggunaan komputer oleh pelajar?

13) Adakah sekolah anda terletak di lokasi yang mempunyai kemudahan asas yang cukup bagi menjayakan pengajian kelab komputer?

14) Ada pendapat mengatakan bahawa penguasaan Bahasa Inggeris dan Matematik yang baik boleh menolong pelajar dalam mempelajari pengajian komputer. Apakah reaksi anda terhadap pandangan ini?

15) Sekiranya sekolah anda mempunyai pelajar-pelajar yang lemah dalam mata pelajaran tersebut bagaimanakah anda mengatasinya?